

**PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT EM-MUDBALL 2016 KOLEJ
COSMOPOINT KOTA KINABALU BERSAMA DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU.**

SABAH, 24 Ogos 2016 – Kolej Cosmopoint Kota Kinabalu bersama-sama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu telah mengadakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat yang diadakan pada 21 Ogos, Ahad yang laulu. Program ini bertujuan memberi tumpuan kepada kesedaran dan penglibatan orang ramai terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui pelbagai aktiviti menarik antaranya, pelepasan *mudball* ke dalam laut, persembahan fesyen bertemakan alam sekitar, persembahan *busking*, *free market* dan penyampaian mesej alam sekitar.

Program kerjasama yang diadakan buat julung kalinya di antara kedua-dua organisasi tersebut melibatkan penyertaan seramai 200 orang pelajar dari Kolej Cosmopoint Kota Kinabalu, pelajar-pelajar Kelab Pecinta Alam dari beberapa buah sekolah sekitar Kota Kinabalu, dan pensyarah serta kakitangan Kolej Cosmopoint Kota Kinabalu.

Antara objektif program ini ialah untuk mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dalam kalangan pelajar serta komuniti setempat. Selain mewujudkan semangat kerja berpasukan dan meningkatkan kemahiran komunikasi yang baik, program ini turut bertujuan untuk membina dan mengukuhkan silaturahim dalam kalangan semua peserta yang terlibat.

Tetamu khas yang turut hadir untuk program ini termasuk Yang Berbahagia Datuk Yeo Boon Hai, Datuk Bandar Kota Kinabalu, wakil-wakil dari kementerian, wakil-wakil penaja antaranya Kementerian Belia dan Sukan Sabah, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Persatuan Penggiat Perfileman Sabah, Casero Event, MJ by MUS, dan Cik Venisa Judah, Miss Earth Malaysia 2016.

Memetik ucapan daripada Ketua Eksekutif Kolej Cosmopoint, En. Mohammad Najmie Noordin, beliau menekankan ; “Adalah menjadi harapan agar semua pihak bersama-sama berganding bahu untuk memantapkan lagi usaha murni ini. Usaha ini bukan sahaja dari pihak kerajaan dan pihak swasta, malah ia menuntut komitmen dari pelbagai pihak termasuk persatuan-persatuan, organisais-organisasi, kumpulan-kumpulan dan badan-badan persendirian, pihak sekolah, malah individu perseorangan. Gabungan kerjasama dari pelbagai pihak ini diharap menjadi agen perubahan kelestarian alam sekitar”.

Diharapkan melalui penganjuran program tanggungjawab sosial korporat ini dapat menjadi contoh dan pemangkin kepada pelbagai pihak agar melibatkan diri dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta kerja sukarela dalam kalangan masyarakat setempat.

-TAMAT-

Mengenai Kolej Cosmopoint

Kolej Cosmopoint telah ditubuhkan pada tahun 1991 dengan sejumlah 11 kampus yang terletak di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak menyediakan keperluan pendidikan kepada seluruh masyarakat. Cosmopoint telah melahirkan seramai lebih 100,000 siswazah di seluruh negara. Institusi ini menyediakan pendidikan yang berkualiti berasaskan pengalaman dunia sebenar, bagi membimbing pelajar tempatan dan antarabangsa dalam memacu kecemerlangan akademik. Kolej Cosmopoint kini menawarkan program-program industri seperti IT, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, E-Kesetiausahaan, Multimedia, Rekabentuk Grafik, Senireka Fesyen, Penyiaran dan Filem, Seni Kulinari dan Fisioterapi. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cosmopointcollege.edu.my

Untuk sebarang pertanyaan media:

Cosmopoint Sdn Bhd

Elyantie Mohamed

Pengurus, Penjenamaan & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6113

E:elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

Yasmin Yusoff

Pegawai Kanan, Penjenamaan & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6121

E:ainulyasmin.myusoff@cosmopoint.com.my